

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HSE 451 Revolusi Industri Pengalaman Britain

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Menurut Ashton, penurunan kadar bunga (faedah) dalam masa setengah kurun sebelum Revolusi Industri adalah faktor yang amat mustahak disebalik pencetusan Revolusi Industri. 'Kiranya kita mencari sesuatu sebab', kata Ashton, yang membawa kepada Revolusi Industri maka itulah faktornya. Namun begitu, Ashton juga menegaskan bahawa 'adalah menjadi kesalahan berbuat begitu', yakni 'mencari sesuatu sebab'. Bincangkan pendirian Ashton ini.
2. Setujukah anda bahawa ketandusan datalah yang menyebabkan para sarjana sering bertelingkah pendapat tentang kesan sebenar industrialisasi ke atas kehidupan golongan bawahan? Jelaskan.
3. Para penulis seperti G.D.H. Cole dan E.J. Hobsbawm amat bersimpati kepada golongan Luddite dan pemecah mesin di peringkat awal Revolusi Industri. Apakah perhitungan yang telah mendasari pendirian para penulis ini? Huraikan.
4. 'Satu konspirasi yang paling jahat bagi menyakiti... para majikan yang memberi kamu makan'. Kata-kata Hakim Mahkamah kepada pekerja The Times yang mogok pada tahun 1810. Beberapa tahun kemudian, Akta Kombinasi 1799 dan 1800 yang mengharamkan tindakan mogok telah dimansuhkan. Jelaskan keadaan dan faktor yang membawa kepada perubahan ini.

5. Pada tahun 1851 terdapat 2,832,000 wanita bekerja di berbagai bidang. Menjelang 1901 jumlah ini bertambah ke angka 4,751,000 -- suatu peningkatan yang melebihi kadar peningkatan jumlah pekerja lelaki bagi peringkat masa yang sama. Pada hemat anda, bersabitkah fenomenon ini dengan pergerakan undi wanita di Britain yang akhirnya memperolehi kejayaan pada tahun 1918?

6. "Keluarga bukan hanya tidak retak akibat daripada perbandaran dan perindustrian, (malah) di dalam keadaan tertentu, ia telah menolong memupuk perubahan-perubahan tersebut". K.T. Hareven.

Sejauh manakah sahihnya pendapat Hareven ini?

7. Nilaikan kaitan di antara imperialisme baru (new imperialism) sejak 1870an dengan pemantapan Revolusi Industri di Britain.

-oooOOoooo-